



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (26 SEPTEMBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **satu (1) kes** positif COVID-19 dikesan di Daerah Lawas. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat sebanyak 704 kes**.

#### **A. Kes COVID-19 yang baharu dikesan (Kes Ke-704)**

Kes merupakan seorang petugas kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak yang telah menjalani saringan ujian COVID-19 sebelum menyertai Pasukan Bantuan Kesihatan Awam ke Sabah untuk menangani penularan Kluster COVID-19 di sana. Kes telah menjalani saringan COVID-19 di sebuah Klinik Kesihatan Kerajaan pada 20 September 2020. Sampel untuk ujian saringan COVID-19 kes telah dihantar ke Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu, Sabah pada hari yang sama dan keputusan ujian saringan COVID-19 bagi ujian rT-PCR pada 25 September 2020 menunjukkan kes telah positif COVID-19.

Kes pernah mengalami demam dan batuk pada 1 dan 2 September 2020. Kes telah dirujuk ke Hospital Miri untuk rawatan lanjut. Hasil siasatan awal menunjukkan kes ini tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara tetapi pernah melawat Kota Kinabalu, Sabah pada 26 Julai 2020 atas urusan peribadi dan hanya bermalam semalam di sebuah pangsapuri di sana.

Siasatan awal juga menunjukkan kes ini berkemungkinan merupakan kes jangkitan tempatan. Walau bagaimanapun, kes ini masih dalam siasatan lanjut dan semua kontak rapat kepada kes ini sedang giat dijalankan termasuk pengesahan semua kontak keluarga, kontak tempat kerja dan kontak sosial beliau.

### **B. Kluster COVID-19 yang telah tamat.**

Pada hari ini, Kluster Alam yang telah dilaporkan di Daerah Bintulu diisytiharkan tamat. Kluster ini yang melibatkan sebuah kapal pengangkut gas cecair asli (LNG) yang berlabuh di pelabuhan Bintulu diisytiharkan tamat setelah tiada kes baharu dilaporkan dalam tempoh 28 hari dari tarikh kes terakhir dikesan.

Kluster ini telah dikesan pada 20 Ogos 2020 apabila empat (4) orang krew kapal tersebut dikesan telah dijangkiti COVID-19. Saringan pertama ke atas semua 27 orang krew kapal pada 21 Ogos 2020 mendapat tambahan tiga (3) lagi kes positif COVID-19. Ujian saringan kedua pada hari ke-10 pula telah mengesan seorang lagi kes positif COVID-19 dalam kalangan krew kapal tersebut pada 29 Ogos 2020. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif ialah seramai lapan (8) orang. Mereka yang didapati positif COVID-

19 ini terdiri daripada tiga orang warganegara, tiga orang warganegara Filipina dan seorang warganegara India.

Jumlah keseluruhan individu yang telah disaring ialah seramai 33 orang iaitu terdiri daripada 27 orang krew kapal, tiga orang agen kapal, seorang juruterbang dari Sabah, dua orang kontak pekerja kesihatan dari Labuan dan seorang kontak *scutter survey* dari Sabah. Ini menjadikan kadar positif kumulatif ialah pada kadar 24.24%.

Dari segi klinikal, empat (4) orang kes telah menunjukkan tanda-tanda dan gejala jangkitan COVID-19 dan empat (4) orang lagi adalah tidak bergejala. Kesemua kes yang telah didapati positif COVID-19 telah menjalani rawatan di Hospital Bintulu manakala krew yang lain telah diberi perintah arahan kuarantin 14 hari di atas kapal. Tiada kematian melibatkan kluster ini. Kerja-kerja disinfeksi dan nyah kuman di atas kapal juga telah dijalankan.

Kluster ini adalah kejadian terpencil dan hanya terhad dalam kalangan krew kapal tersebut saja dengan kontak luar yang minima. Punca jangkitan juga telah dikenalpasti sebagai jangkitan import dari luar negara semasa kapal tersebut melakukan persinggahan sebelum berlabuh di labuhan perairan Bintulu, Sarawak.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama semua agensi kerajaan, jabatan dan pihak swasta serta orang perseorangan di bawah peneraju Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak dalam menangani dan pengawalan Kluster Alam di Bintulu, Sarawak.

### **C. Kluster COVID-19 yang masih aktif.**

Hari ini, **tiada kluster** yang masih aktif di Sarawak. Kluster terakhir iaitu Kluster Alam di Daerah Bintulu juga telah diisyiharkan tamat pada hari ini.

### **D. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.**

Dimaklumkan juga **tiada kes baru** yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini **kekal seramai 681** orang atau **96.73%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **empat (4)** orang iaitu masing-masing satu kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak, Hospital Bintulu, Hospital Miri dan Hospital Sungai Buloh, Selangor. **Tiada kes** COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. Dimaklumkan juga terdapat satu (1) kes yang dilaporkan di Sandakan, Sabah yang sedang menerima rawatan di Hospital Bintulu.

**Tiada kes** kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.70%**.

Hari ini **empat (4) PUI** baru telah dilaporkan dan **tiada kes** PUI yang menunggu keputusan ujian makmal.

## **E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak**

Hari ini, Daerah Lawas telah bertukar dari Status Hijau kepada Status Kuning, setelah satu (1) kes jangkitan tempatan baru telah dikesan di dalam daerah tersebut hari ini. Daerah Kuching masih kekal berstatus Kuning dengan satu (1) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Kuning adalah dua (2) daerah dan 38 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

## **2. LAPORAN NOTIS AMARAN / KOMPAUN / SITAAN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan **24 notis** kompaun di Kuching (12), Bintulu (10), Kota Samarahan (1) dan Sarikei (1) kerana tidak mematuhi Garis panduan (SOP).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan **110 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan BDA (39), MD Marudi (23), DBKU (18), SMC (14), MDMJ (4), MDDM (4), MPKS (3), MD Serian (3), MD Sarikei (1) dan MD Miri (1).

## **3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam. Hari ini sebanyak **1,563 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (198), Restoran (287), Kilang (4), Bank (159), Pejabat Kerajaan (50), Penjaja (45), Pasar Tani/Awam (73), Tempat Ibadah (55), Tempat Riadah (33), Tapak Pembinaan (8) dan lain-lain (651).

Seramai **554 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (282), ATM (34), RELA (120), APM (84) dan PBT (34).

#### **4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,001** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**  
**26 SEPTEMBER 2020**  
**4.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	703	Kes sedang dirawat di hospital	4	0.57%
Kes Baharu	1	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	108,228	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	704	Jumlah kes kematian	19	2.70%
IR per 100,000 penduduk	22.82	Kes telah sembuh dan discaj	681	96.73%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Patient Under Investigation (PUI)	Baru	Kumulatif
Negatif	3		4	9,705
Menunggu keputusan	0		0	

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital		1	0	1	1	1	4
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )		0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian		17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0	0
	Kumulatif	575	35	38	32	1	681
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )		9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (2)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	1	15	1	2	0	1	0	0	1	1	1
2	Kuching	2	6,445	0	430	0	416	0	12	2	2	1
Jumlah		3	6460	1	432	0	417	0	12	3	3	2

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (38)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	1	307	0	24	0	24	0	0	0	0	0
2	Bintulu	0	288	0	39	0	38	0	0	1	1	0
3	Lundu	0	245	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Bau	0	175	0	6	0	6	0	0	0	0	0
5	Samarahan	0	561	0	112	0	108	0	4	0	0	0
6	Sibu	0	108	0	11	0	11	0	0	0	0	0
7	Simunjan	0	60	0	8	0	8	0	0	0	0	0
8	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
9	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
10	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
11	Miri	0	833	0	24	0	23	0	1	0	0	0
12	Asajaya	0	43	0	5	0	5	0	0	0	0	0
13	Sri Aman	0	52	0	3	0	2	0	1	0	0	0
14	Betong	0	188	0	16	0	16	0	0	0	0	0
15	Mukah	0	47	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
18	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Lubok Antu	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>1</b>	<b>3,245</b>	<b>0</b>	<b>272</b>	<b>0</b>	<b>264</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>4</b>	<b>9,705</b>	<b>1</b>	<b>704</b>	<b>0</b>	<b>681</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>4</b>	<b>4</b>	<b>2</b>

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **28 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **11 buah hotel** adalah seramai **613 orang**. Manakala seramai **24,504 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 26.09.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (287)	Hock Lee	127
2		Harbour View	70
3		Riverside (Astana Wing)	90
4	Miri (159)	Eastwood Valley	60
5		Dynasty	99
6	Bintulu (41)	Wasan Inn	16
7		Motel Kapok	12
8		Faber Inn	13
9	Limbang (12)	Purnama	2
10		Mandarin (Lawas)	10
11	Sibu (114)	Premier	114
<b>Jumlah PUS</b>			<b>613</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Pada hari ini, sebanyak **8 lokasi di Sibu (2) dan Kuching (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,658 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 26.09.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>1</b>	<b>518</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>1</b>	<b>303</b>
3	Sibu	TIADA	166
4	Samarahan	TIADA	119
5	Bintulu	TIADA	113
6	Sarikei	TIADA	108
7	Limbang	TIADA	77
<b>8</b>	<b>Serian</b>	<b>2</b>	<b>59</b>
<b>9</b>	<b>Betong</b>	<b>2</b>	<b>53</b>
10	Kapit	TIADA	49
<b>11</b>	<b>Mukah</b>	<b>1</b>	<b>48</b>
<b>12</b>	<b>Sri Aman</b>	<b>1</b>	<b>45</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>1,658</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Pada hari ini, sebanyak **37 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 26.09.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	1
2	MD Serian	3
3	MP Sibu	10
4	MCC	13
5	MD Marudi	5
6	MD Lawas	5
<b>Jumlah</b>		<b>37</b>